



# بجلیس دائره ڳریک

## MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak  
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my  
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Ruj. Fail : Bil. (2) M.D.Gk(JPPH) 1/2022  
Tarikh : 15 Februari 2022

### NOTIS KERJA SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MENCUCI BANGUNAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR DI HENTIAN ROYAL BELUM AMANJAYA, PULAU BANDING MAJLIS DAERAH GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada penyebut harga tempatan dan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **bidang 221001 – Pembersihan Bangunan Dan Pejabat** yang masih berkuatkuasa bagi sebutharga seperti tersebut di atas.

Tajuk Sebutharga	Kategori	Kod Bidang	No. Sebutharga	Tarikh Jualan	Tarikh Tutup
Sebutharga Bagi Perkhidmatan Mencuci Bangunan & Pembersihan Kawasan Sekitar Di Hentian Royal Belum Amanjaya Pulau Banding Majlis Daerah Gerik, Perak Darul Ridzuan	Pembersihan Bangunan	221001- Pembersihan Bangunan dan Pejabat	M.D.Gk (JPPH) 1/2022	Mulai 17 Februari 2022 (khamis) hingga 24 Februari 2022 (khamis)  Mulai Jam 10.00 pagi	24 Februari 2022 (khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari

2. Borang sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor pembersihan atau wakilnya yang sah sahaja. Kontraktor pembersihan atau wakilnya hendaklah membawa **Dokumen Asal Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Taraf Bumiputera.**
3. Semasa pendaftaran, penyebut harga perlu mengemukakan **SALINAN ASAL** dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) seperti berikut :-
  - 3.1 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia; dan
  - 3.2 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia
4. Segala butiran kerja serta borang sebutharga boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Gerik** mulai dari **tarikh 17 Februari 2022** dengan bayaran sebanyak RM20.00 senaskah.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di pejabat ini sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 24 Februari 2022.**

Ruj. Fail : Bil. (2) M.D.Gk(JPPH) 1/2022  
Tarikh : 15 Februari 2022

**NOTIS KERJA SEBUTHARGA  
PERKHIDMATAN MENCUCI BANGUNAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR  
DI HENTIAN ROYAL BELUM AMANJAYA, PULAU BANDING  
MAJLIS DAERAH GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN**


6. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
7. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa rasuah, suapan kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
8. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
9. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menandatangani,

  
(**MOHD ZAIRAS YAHLI SHAH BIN ZAKARIA, S.M.P., A.M.N., A.A.P.**)

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Gerik

**“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**